



Semua Pelajar Berdaftar
Semester 3 Sesi Akademik 2015-2016
Fakulti Teknologi & Sains Maklumat
Pusat Kembangan Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia

Saudara/i,

PERMOHONAN MASUK PEPERIKSAAN SEMESTER 3 SESI AKADEMIK 2015-2016

Merujuk kepada perkara di atas, adalah dimaklumkan bahawa peperiksaan akhir bagi Program Eksekutif Semester 3 Sesi Akademik 2015-2016 akan diadakan pada **8 September 2016**.

Sehubungan itu, saudara/i dikehendaki membuat pengesahan permohonan masuk peperiksaan Semester 3 Sesi Akademik 2015-2016 melalui **SMPE** mulai **15 hingga 19 Ogos 2016**. Dalam paparan di SMPE akan tersenarai kursus yang saudara/i daftar pada semester ini, sila klik sah jika semua kursus dipaparkan. Semua pelajar **perlu** membuat permohonan masuk peperiksaan ini untuk memastikan semua kursus yang saudara/i daftarkan telah tersenarai di dalam senarai pendaftaran kursus semasa. Saudara/i yang gagal membuat permohonan masuk peperiksaan dalam tempoh masa yang ditetapkan akan dikenakan denda sebanyak RM50.00.

Sekiranya saudara/i gagal membuat pengesahan atau pembetulan terhadap maklumat tersebut, maka segala butiran kursus yang dicatatkan akan dianggap betul dan lengkap. Jika semasa peperiksaan, saudara/i tidak hadir bagi kursus - kursus berkenaan, saudara/i akan diberi gred E (gagal).

Jadual Waktu Peperiksaan muktamad dipaparkan dalam Kad Masuk dan Jadual Peperiksaan (KMJP) dan boleh dicetak dari SMPE mulai **29 Ogos 2016**.


Saudara/i dikehendaki mengambil perhatian dan tindakan sewajarnya bagi memastikan persiapan saudara/i menduduki peperiksaan berjalan dengan lancar.

Sekian, terima kasih.

PUSAT KEMBANGAN PENDIDIKAN

Aras 2, Bangunan Wawasan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Telefon: +603-8921 4073 Faksimili: +603-8925 1391 E-mel: pghkmbgn@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/pkp>

Yang benar,



MAZUNA JAMALUDDIN

Penolong Pendaftar

Unit Peperiksaan dan Pengijazahan

b.p. Pengarah

- s.k. - Ketua Bahagian Pengurusan Akademik
 - Penyelaras Program
 - Penolong Pendaftar (Unit Pengurusan Program dan Rekod Pelajar)

PUSAT KEMBANGAN PENDIDIKAN

Aras 2, Bangunan Wawasan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Telefon: +603-8921 4073 Faksimili: +603-8925 1391 E-mel: pghkmbgn@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/pkp>

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • *Inspiring Futures, Nurturing Possibilities*

www.ukm.my